

28 AUG 1998

Taman

TAMAN RAKYAT TAMAN KLCC DIRASMI ESOK

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Tidak ramai yang tahu Taman Kuala Lumpur City Centre (KLCC), taman bunga seluas 20 hektar di atas kawasan yang dahulunya padang dan kelab lumba kuda di Jalan Ampang, reka bentuknya merupakan hasil ciptaan seorang pakar seni taman terkemuka di dunia.

Taman untuk rakyat ini, yang dicipta khas oleh pakar senitaman dari Brazil, mendiang Roberto Burle Marx, dijadual akan dirasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Terletak di kawasan segi tiga emas yang dikelilingi oleh kompleks dan bangunan pencakar langit di tengah-tengah kesibukan ibu kota, Taman KLCC kini menjadi daya tarikan terbaru kepada pelancong asing dan warga kota yang ingin melapangkan fikiran dari hiruk-pikuk kehidupan kota.

Taman ini mencerminkan kegemaran dan cinta penciptanya terhadap alam semula jadi dengan mengadunkan seni dan sains tumbuhan tropika untuk menghasilkan sesuatu yang merupakan sumbangan yang unik kepada rakyat Malaysia.

Walaupun kerja-kerja Burle Marx itu banyak dipengaruhi dengan ciri-ciri negara asalnya, Brazil, namun unsur-unsur tempatan telah digabungkan untuk disesuaikan dengan ciri-ciri dan cita rasa Malaysia.

Sebagai satu ciptaan yang praktikal, ia telah digabung dan diharmonikan dengan bangunan-bangunan pejabat yang berhampiran, pusat peruncitan, hotel dan bangunan kediaman.

Selain dihiasai dengan pelbagai pokok bunga dan pokok hiasan, taman ini turut disediakan taman permainan kanak-kanak, kolam renang, tempat teduh dan tempat duduk, siar kaki bercorak, ukiran dan lukisan serta Tasik Simfoni yang mengandungi dua pancutan air.

Taman permainan kanak-kanak seluas dua ekar turut dilengkapi dengan pelbagai jenis peralatan permainan yang mementingkan keselamatan.

Selaras dengan arahan kerajaan agar pemaju tidak sewenang-wenangnya menebang pokok, pihak pemaju taman ini berjaya memindahkan 43 batang pokok dan palma dari kawasan padang lumba kuda dahulu ke kawasan taman KLCC ini.

Kini lebih 1,900 pokok dan palma daripada lebih 74 spesis telah ditanam di sekitarnya bagi mewujudkan suasana kehijauan.

Sebahagian daripada taman ini dirancang untuk dijadikan tempat persinggahan pelbagai jenis burung termasuk dari luar dengan ditanam pokok-pokok yang buahnya dipercayai dapat menjadi daya tarikan.

-- BERNAMA

wnz oba